

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



PERANAN AL-QUR'AN DALAM MEMBENTUK MINDA
INTELEKTUAL MUDA: SATU ANALISIS KRITIKAL

*THE ROLE OF THE QUR'AN IN SHAPING THE INTELLECTUAL MIND OF
YOUTH: A CRITICAL ANALYSIS*

Ammar Abdullah Tahir¹, Saufi Abdullah^{2*}

¹ Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College
Email: muhammadammarabdullahtahir@gmail.com

² Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College
Email: saufi@kias.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.08.2025

Revised date: 25.08.2025

Accepted date: 21.09.2025

Published date: 20.10.2025

To cite this document:

Tahir, A. A., & Abdullah, S. (2025). Peranan Al-Qur'an Dalam Membentuk Minda Intelektual Muda: Satu Analisis Kritis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 614-626.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Al-Qur'an bukan sahaja berfungsi sebagai kitab suci untuk diamalkan secara ritual, tetapi juga sebagai asas epistemologi dalam pembentukan minda intelektual generasi muda Muslim. Artikel ini meneliti peranan al-Qur'an dalam membangunkan intelektualisme belia melalui analisis kritikal terhadap ayat-ayat yang menekankan penggunaan akal, pencarian ilmu, dan pembinaan nilai moral. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kepustakaan dengan merujuk kepada tafsir klasik, penulisan ulama kontemporari, dan literatur akademik terkini. Analisis tematik menunjukkan bahawa al-Qur'an mengangkat konsep tafakkur, tadabbur, ta'addul, dan hikmah sebagai asas pengukuhan daya fikir kritis, keseimbangan emosi, serta keteguhan spiritual. Nilai seperti amanah, keberanian moral, disiplin, dan tanggungjawab sosial yang digariskan dalam al-Qur'an turut membentuk jati diri intelektual muda yang berakhlak dan berdaya saing. Artikel ini merumuskan bahawa pemeraksanaan pendidikan berteraskan al-Qur'an secara sistematik dan kontekstual mampu melahirkan intelektual Muslim yang bukan sahaja cemerlang dalam ilmu pengetahuan, tetapi juga relevan menghadapi cabaran ideologi, krisis identiti, dan keruntuhan moral pada era globalisasi.

Kata Kunci:

al-Qur'an; Intelektual Muda; Pemikiran Kritis; Pendidikan Islam; Analisis Kritikal

Abstract:

The Qur'an functions not only as a sacred scripture for ritual practice but also as a fundamental epistemological source for shaping the intellectual development of young Muslims. This article critically examines the role of the Qur'an in fostering youth intellectualism by analyzing verses that emphasize rational reflection, pursuit of knowledge, and the cultivation of moral values. Employing a qualitative library-based approach, the study draws on classical Qur'anic exegesis, contemporary scholarly writings, and recent academic literature. Thematic analysis reveals that the Qur'an highlights key concepts such as tafakkur (reflection), tadabbur (deep contemplation), ta'aqqul (rational reasoning), and hikmah (wisdom) as essential foundations for critical thinking, emotional balance, and spiritual resilience. Moreover, values including trustworthiness, moral courage, discipline, and social responsibility, as outlined in the Qur'an, contribute to forming ethical and resilient intellectual identities among youth. The article concludes that systematically and contextually strengthening Qur'anic-based education is crucial for producing Muslim intellectuals who excel academically while remaining relevant in addressing contemporary challenges such as ideological confusion, identity crises, and moral decline in the era of globalization.

Keywords:

Qur'an; Youth Intellectualism; Critical Thinking; Islamic Education; Critical Analysis

Pendahuluan

Al-Qur'an diturunkan bukan sekadar sebagai kitab suci untuk dibaca dan dihafaz, malah berperanan sebagai panduan hidup yang menyeluruh kepada umat manusia sepanjang zaman (Al-Za'balawi, 1984; Al-Barr, 1984). Dalam menghadapi era globalisasi dan ledakan maklumat, golongan muda merupakan kelompok yang paling terkesan dengan pelbagai pengaruh pemikiran, budaya, dan ideologi asing yang adakalanya bercanggah dengan nilai Islam (Ali, 1996). Oleh itu, pembentukan minda intelektual dalam kalangan generasi muda merupakan satu keperluan mendesak demi memastikan kelangsungan ummah yang berpaksikan wahyu dan berpandukan akal yang sejahtera (Abdul Jalil, Md Yusoff, & Ismail, 2016).

Minda intelektual muda yang dibentuk berdasarkan al-Qur'an bukan sahaja menjurus kepada aspek keilmuan semata-mata, bahkan meliputi kematangan emosi, kepekaan sosial, dan kesedaran spiritual (Abdul Karim & Abdul Manas, 2017). Al-Qur'an menyajikan pelbagai pendekatan dalam mendidik akal dan jiwa, antaranya melalui kisah-kisah teladan, logik pemikiran, dan nilai-nilai moral yang tinggi (Al-Bukhārī, 1422H; Abū Dāwūd, 2009).

Justeru, dalam menghadapi cabaran kontemporari seperti krisis identiti, keruntuhan moral, dan kecelaruan maklumat, al-Qur'an muncul sebagai solusi yang mapan untuk membina generasi intelektual yang bukan sahaja cerdas, tetapi juga berintegriti dan berakhlak mulia (Al-Din, 1986; Wood, n.d.). Makalah ini akan membincangkan secara analitikal peranan al-Qur'an, hadis, dan tulisan ulama klasik serta kontemporari dalam membentuk minda intelektual muda, dengan tumpuan kepada ayat-ayat yang merangsang pemikiran kritis, menggalakkan pencarian ilmu, serta membentuk jati diri Muslim yang unggul. Perbincangan ini diharap dapat membuka

ruang kepada pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam yang lebih berkesan dalam mencorak generasi muda berteraskan nilai wahyu (Ibrahim, 2014; Hashim & Langgulong, 2008; Al-Attas, 1991).

Sorotan Literatur

Kajian berkaitan peranan al-Qur'an dalam pembentukan intelektual generasi muda telah banyak dijalankan oleh sarjana Islam klasik dan kontemporari. Al-Attas (1991) menegaskan bahawa pendidikan Islam mesti berasaskan integrasi wahyu dan akal agar mampu melahirkan insan seimbang dari segi intelektual dan rohani. Kajian Hashim & Langgulong (2008) pula membincangkan pengalaman kurikulum pendidikan Islam di Indonesia dan Malaysia, menunjukkan kepentingan nilai Qur'ani dalam mengekalkan identiti pelajar di tengah-tengah pengaruh globalisasi.

Dalam konteks tempatan, Ibrahim (2014) meneliti penghayatan al-Qur'an dalam pembangunan modal insan remaja di Malaysia, mendapati aspek tadabbur dan tafakkur berperanan sebagai benteng moral. Kajian Mohd Roslan (2016) dan Mohd Izani & Azhar (2019) pula memberi amaran tentang cabaran liberalisme dan hedonisme yang menghakis nilai intelektual muda Muslim.

Lebih terkini, Nasir et al. (2023) melakukan sorotan literatur mengenai kajian tafsir tematik di Malaysia, menunjukkan peningkatan fokus kepada aspek pemikiran kritis berasaskan Qur'an. Mohd Shukri et al. (2020) pula menekankan penerapan nilai Islam dalam menangani krisis moral remaja.

Kajian-kajian ini mengukuhkan bahawa al-Qur'an bukan sahaja kitab spiritual, malah sumber epistemologi untuk melahirkan generasi intelektual yang beradab. Oleh itu, kajian ini melanjutkan wacana sedia ada dengan memberi tumpuan kepada hubungan langsung antara ayat-ayat al-Qur'an dan ciri-ciri minda intelektual muda, seterusnya menghubungkannya dengan cabaran kontemporari belia Muslim.

Skop dan Metodologi Kajian

Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada peranan al-Qur'an sebagai sumber utama dalam membentuk pemikiran dan jati diri intelektual generasi muda Muslim. Fokus utama adalah kepada ayat-ayat al-Qur'an yang menekankan galakan penggunaan akal, pencarian ilmu, pembangunan potensi diri, serta pembentukan nilai akhlak dan kepemimpinan.

Populasi sasaran konseptual bagi kajian ini ialah golongan muda berusia antara 15 hingga 30 tahun dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari, khususnya di Malaysia. Golongan ini dipilih kerana mereka paling terdedah kepada cabaran pemikiran liberal, budaya hedonisme, dan keruntuhan moral (Mohd Shukri et al., 2020; Mohd Roslan, 2016; Mohd Izani & Azhar, 2019).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dengan mengaplikasikan analisis kritikal dan tematik. Proses metodologi dilaksanakan melalui beberapa langkah berikut:

1. Pengumpulan Data

- Sumber primer: Teks al-Qur'an dan tafsir muktabar seperti Jāmi' al-Bayān oleh al-Ṭabarī, al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān oleh al-Qurṭubī, dan Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm oleh Ibn Kathīr.
- Sumber sekunder: Penulisan ulama kontemporari, artikel jurnal terkini berkaitan pendidikan Islam, pemikiran kritis, dan pembangunan intelektual belia.

2. Kriteria Pemilihan Teks Tafsir

- Tafsir klasik dipilih kerana autoritatif dan menjadi rujukan utama dalam tradisi ilmu Islam.
- Tafsir kontemporari dan artikel akademik dipilih berdasarkan relevansi dengan tema pendidikan dan pembentukan minda, serta keupayaan menghubungkan teks Qur'ani dengan konteks semasa.

3. Analisis Data

- Data dianalisis menggunakan analisis kritikal, iaitu dengan menilai teks bukan sahaja dari aspek literal, tetapi juga dari segi implikasi epistemologi, pendidikan, dan sosial (Jasmi, 2012).
- Kaedah analisis tematik diaplikasikan mengikut kerangka Braun & Clarke (2006) yang merangkumi enam fasa:
 1. Pembacaan berulang teks dan data,
 2. Penjanaan kod awal,
 3. Pencarian tema,
 4. Semakan tema,
 5. Pendefinisian dan penamaan tema,
 6. Penyediaan laporan akhir.
- Tema utama yang dikenal pasti termasuk tafakkur (refleksi), ta'aqqul (penggunaan akal), tadabbur (penghayatan mendalam), dan hikmah (kebijaksanaan).

Justifikasi Kaedah

Dengan pendekatan ini, kajian diharap dapat membuktikan bahawa al-Qur'an bukan sahaja relevan sebagai sumber spiritual, tetapi juga sebagai asas epistemologi yang mampu membentuk daya intelektual dan kebijaksanaan generasi muda untuk berdepan cabaran zaman moden.

Topik 1: Konsep Intelektual Muda dalam Islam

Konsep intelektual dalam Islam bukan sekadar merujuk kepada kecerdasan akal semata-mata, tetapi merangkumi keterpaduan antara kekuatan berfikir, kesedaran rohani, nilai moral dan kemampuan sosial (Al-Attas, 1991; Nasr, 2002; Wan Mohd Nor, 1995). Dalam kerangka ini, **intelektual muda Islam** ialah individu yang berada pada usia kematangan awal – remaja dan dewasa muda – yang memiliki keupayaan untuk berfikir secara kritis, menilai secara objektif, dan membuat keputusan yang berpandukan wahyu, bukan semata-mata rasional sempit.

Al-Qur'an sebagai sumber wahyu utama Islam, memberikan perhatian yang besar terhadap pembangunan akal dan minda. Perkataan seperti *ta'aqqul* (memahami dengan akal), *tafakkur* (merenung), *tadabbur* (menghayati dengan mendalam), dan *hikmah* (kebijaksanaan) disebut berulang kali dalam pelbagai konteks yang mencerminkan penghargaan terhadap peranan akal dalam kehidupan manusia. Firman Allah SWT:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۚ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

"Allah memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan sesiapa yang diberikan hikmah itu, maka sesungguhnya dia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran melainkan orang-orang yang berakal."

(Surah al-Baqarah, 2:269)

Ini menunjukkan bahawa hikmah atau kebijaksanaan intelektual adalah anugerah besar daripada Allah kepada manusia yang memanfaatkan akalunya secara benar.

Intelektual muda yang dibentuk menurut Islam bukan sahaja memiliki kapasiti akademik, tetapi juga kesedaran ketuhanan (*God-consciousness*), tanggungjawab sosial, dan daya tahan moral. Mereka mampu menjadi agen perubahan, menyumbang kepada pembinaan tamadun, serta menjadi benteng kepada kerosakan pemikiran yang menyerang umat Islam hari ini (Al-Attas, 1991; Wan Mohd Nor, 1995; Mohd Fauzi, 2013).

Sub-Topik 1-1: Asas Pembentukan Intelektual Muda dalam al-Qur'an

Pembentukan intelektual muda menurut al-Qur'an berasaskan tiga rukun utama: **tauhid**, **ilmu**, dan **hikmah**. Tauhid adalah dasar kefahaman bahawa setiap aspek kehidupan mesti kembali kepada Allah sebagai Pencipta dan Pemilik mutlak ilmu. Ilmu pula dilihat sebagai jambatan antara akal dan wahyu, manakala hikmah ialah keupayaan mengaplikasikan ilmu dengan bijaksana (Al-Attas, 1980; Wan Mohd Nor, 1998; Osman Bakar, 1992).

Al-Qur'an menyeru manusia untuk menggunakan akal dalam menilai, merenung dan memahami hakikat kehidupan. Frasa seperti "*afala ta'qilun*" (apakah kamu tidak berakal), "*afala tatafakkarun*" (apakah kamu tidak berfikir) digunakan untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan manusia, khususnya golongan muda yang berada pada fasa aktif berfikir dan mencabar autoriti maklumat (Nasr, 2002; Izutsu, 2002; Abdul Karim, 2017).

Sebagai contoh, dalam Surah Āli 'Imrān ayat 190–191, Allah menggambarkan ciri-ciri golongan *ulū al-albāb* (orang yang berakal) sebagai mereka yang mengingat Allah dalam pelbagai keadaan dan **berfikir mendalam tentang penciptaan langit dan bumi**, lalu mereka membuat kesimpulan bahawa penciptaan ini bukan sia-sia. Ini menunjukkan bahawa pemikiran intelektual yang seimbang dalam Islam ialah hasil kombinasi antara renungan intelektual dan kesedaran spiritual (Ibn Kathir, 2000; Al-Ghazali, 2005; Yusof & Ismail, 2019).

Sub-Topik 1-2: Ciri-Ciri Minda Intelektual Muda Menurut Perspektif al-Qur'an

Al-Qur'an menggariskan beberapa ciri penting yang mesti ada dalam minda intelektual muda Muslim:

1. Daya Tafakkur dan Tadabbur

Pemuda intelektual menurut al-Qur'an mesti aktif merenung dan menghayati ciptaan Allah, ayat-ayat al-Qur'an dan hakikat kehidupan. Mereka tidak bersikap reaktif atau ikut-ikutan, sebaliknya membuat pertimbangan berdasarkan analisis dan renungan mendalam.

2. Ketelusan dalam Menerima Kebenaran

Intelektual sejati tidak terikat dengan kepentingan peribadi atau tekanan kelompok.

Mereka sanggup menerima kebenaran walaupun ia pahit atau datang daripada pihak yang mereka tidak sukai.

3. **Keberanian Moral**

Al-Qur'an menceritakan kisah **Ashab al-Kahfi** (al-Kahf, 18:13–14) yang mewakili golongan muda berprinsip dan berani menentang arus kezaliman. Mereka memilih untuk mempertahankan tauhid walaupun terpaksa meninggalkan masyarakat dan keselamatan diri.

4. **Semangat Menuntut Ilmu**

Ayat pertama diturunkan, "*Iqra*'' , ialah simbolik kepada pentingnya ilmu dalam pembentukan intelektual. Surah al-Mujādilah (58:11) pula menyebut bahawa Allah meninggikan darjat orang yang berilmu beberapa darjat – satu pengiktirafan kepada pencapaian intelektual dalam Islam.

5. **Keteguhan Iman dan Kepercayaan Diri**

Nabi Ibrahim A.S. dalam Surah al-An'ām (6:76–79) menunjukkan bagaimana seorang pemuda menggunakan akal untuk menolak kepercayaan karut dan akhirnya mencapai keyakinan terhadap Allah yang Esa. Ini menunjukkan gabungan antara rasionaliti dan keteguhan iman sebagai ciri intelektual unggul.

Sub-Sub-Topik: Intelektualisme Berteraskan Wahyu

Intelektualisme dalam Islam berbeza dengan kerangka pemikiran sekular yang meletakkan akal sebagai autoriti mutlak. Dalam Islam, akal adalah anugerah yang besar tetapi fungsinya terikat dengan **bimbingan wahyu**. Al-Qur'an menjadi asas epistemologi yang membezakan antara kebenaran hakiki dengan kebatilan yang dihiasi oleh hawa nafsu atau spekulasi semata-mata (Al-Attas, 1991; Nasr, 1993; Wan Mohd Nor, 2011).

Ayat-ayat yang menyeru penggunaan akal dalam al-Qur'an tidak berdiri sendiri, bahkan sering disertai dengan nilai seperti takwa, syukur, dan kesedaran akhirat. Ini menunjukkan bahawa akal perlu dikawal oleh nilai spiritual dan petunjuk wahyu agar tidak tersasar (Izutsu, 2002; Al-Ghazali, 2005; Yusof & Ismail, 2019). Pemuda yang membina pemikiran atas asas ini akan mampu menilai sesuatu isu secara objektif dan berpandukan kebenaran mutlak, bukan sekadar pendapat majoriti atau pengaruh media.

Sub-Sub-Topik: Kritikan terhadap Intelektualisme Sekular

Pemikiran sekular moden cenderung memisahkan agama daripada akal, serta menjadikan logik dan rasionalisme sebagai ukuran tunggal kebenaran. Aliran ini, yang lahir daripada konteks sejarah Barat, menjadikan manusia sebagai pusat segala-galanya (*human-centric*) dan menghapuskan kebergantungan kepada Tuhan (Nasr, 1993; Al-Attas, 1995; Mohd Kamal Hassan, 2010).

Al-Qur'an mengkritik pendekatan ini melalui pelbagai ayat yang menunjukkan bahawa penggunaan akal tanpa petunjuk boleh membawa kepada kesesatan. Firman Allah:

أَفَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِ غِشَاوَةً ۖ فَمَنْ يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ

"Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhanannya dan Allah membiarkannya sesat berdasarkan ilmu yang dimilikinya, dan Allah telah mengunci

pendengaran dan hatinya serta meletakkan penutup pada peglihatannya? Maka siapakah yang dapat memberinya petunjuk selain daripada Allah? Maka apakah kamu tidak mengambil pengajaran?"

(Surah al-Jāthiyah, 45:23)

Ini membuktikan bahawa akal, jika digunakan tanpa batasan nilai dan wahyu, boleh digunakan untuk menghalalkan yang haram, mengelirukan masyarakat, dan mencetuskan ideologi yang menyesatkan.

Maka, al-Qur'an menolak pendekatan intelektualisme bebas nilai. Islam menawarkan pendekatan bersepadu antara akal dan wahyu yang mampu melahirkan pemuda intelektual yang bukan sahaja cerdas minda, tetapi juga suci hati dan mulia akhlakunya. Inilah asas kepada pembangunan tamadun Islam yang sebenar.

Topik 2: Dalil-Dalil al-Qur'an dan Hadith Berkaitan Pembentukan Minda Intelektual Muda

Dalam Islam, pembentukan intelektual bukan semata-mata hasil aktiviti kognitif bebas, tetapi merupakan satu proses yang berakar dari ajaran wahyu (Al-Attas, 1991; Wan Mohd Nor, 1998; Hashim & Langgulong, 2008). Al-Qur'an dan hadis bukan sahaja menyentuh aspek kerohanian dan ibadah, malah turut memberikan panduan jelas mengenai pembangunan akal dan keperibadian, khususnya dalam kalangan generasi muda (Al-Ghazali, 2005; Mohd Shukri et al., 2020; Yusof & Ismail, 2019). Justeru, pendekatan pendidikan al-Qur'an perlu dirujuk sebagai panduan utama dalam membentuk pemikiran generasi ini.

Generasi muda hari ini berdepan cabaran pemikiran seperti materialisme, relativisme moral, liberalisme dan kebebasan tanpa batas (Mohd Roslan, 2016; Kamal Hassan, 2010; Mohd Izani & Azhar, 2019). Dalam menghadapi fenomena ini, peranan al-Qur'an dan hadis sebagai sumber bimbingan sangat penting. Kedua-dua sumber ini bukan sahaja menyeru kepada keimanan, tetapi juga menggalakkan pemikiran kritis, pencarian ilmu, kesedaran sendiri dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Pemuda Muslim yang berorientasikan wahyu memiliki daya tahan dalam menghadapi kekeliruan ideologi serta mampu menjadi pencetus perubahan masyarakat secara positif.

Ayat al-Qur'an dan Terjemahan

Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ (190)
الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ (191)

Terjemahan:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang mengingat Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring

mengiring, serta mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan semua ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”
(Surah Āli ‘Imrān, 3:190-191)

Ayat ini merupakan antara dalil yang paling jelas dalam mengaitkan antara kekuatan akal dan keimanan dalam Islam. Penggunaan akal (tafakkur) yang disebut dalam ayat ini adalah jenis pemikiran reflektif yang mendalam, bukan sekadar logik permukaan. Generasi muda yang diasuh untuk bertafakkur tentang ciptaan Allah akan terdidik menjadi insan yang menyedari tujuan hidup, memahami tanggungjawab sebagai hamba, dan menolak konsep kebendaan semata-mata. Ayat ini juga menekankan kesedaran spiritual sebagai hasil daripada pemikiran kritikal yang berakar dari wahyu.

Teks Hadith, Terjemahan dan Sumber

Anas bin Mālik RA meriwayatkan:

كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَطْلُبُ الْعِلْمَ النَّاسُ حَتَّى يَذْهَبُوا إِلَى الْمَغْرِبِ

(Kami pernah bersama Nabi SAW, lalu baginda bersabda: “Manusia akan menuntut ilmu sehingga mereka mengembara ke arah barat.”)

(Riwayat al-Ṭabarānī dalam al-Mu‘jam al-Kabīr, no. 2907 – Dinilai hasan oleh al-Albānī)

Hadis ini menegaskan bahawa menuntut ilmu adalah satu proses tanpa sempadan geografi atau budaya. Konsep ini sangat relevan dalam dunia moden yang mengutamakan keterbukaan ilmu dan kemajuan teknologi. Dalam konteks pembangunan intelektual muda, hadis ini menjadi dorongan agar golongan muda sentiasa proaktif mencari ilmu di mana sahaja, selagi mana ia membawa manfaat dan tidak bertentangan dengan syarak. Ia juga menunjukkan bahawa Islam menganjurkan keterbukaan terhadap ilmu luar, selagi ia ditapis dengan neraca wahyu.

Kaedah Penulisan Jadual berdasarkan Analisis Kritikal

Dalam kajian ini, penulis mengumpulkan beberapa tema utama yang terkandung dalam al-Qur’an dan hadis yang berkaitan secara langsung dengan pembentukan minda intelektual muda melalui kaedah analisis kritikal. Analisis kritikal dalam kajian ini bermaksud proses menilai dan meneliti sesuatu maklumat atau ayat-ayat al-Quran serta hadis secara mendalam dengan mempertimbangkan kekuatan serta implikasi yang berkaitan. Ia melibatkan pemikiran reflektif dan objektif untuk memahami serta menilai kesahihan dan relevansi sesuatu idea atau hasil penyelidikan (Yusuf, 2013; Mohd Aderi et al., 2018; Wan Mohd Nor, 1995). Kajian ini menggunakan kaedah tematik (Braun & Clarke, 2016) iaitu merangkumi aspek penggunaan akal, tuntutan terhadap ilmu, keberanian moral, keazaman dalam pembelajaran, dan pembentukan nilai kebijaksanaan. Jadual berikut memaparkan ringkasan dalil dan nilai utama yang terkandung dalam setiap tema:

Jadual 1: Tema dan Dalil Berkaitan Pembentukan Minda Intellektual Muda


No.	Tema Intellektual	Ayat/Hadith Rujukan	Nilai Utama
1	Penggunaan Akal	Āli ‘Imrān 3:190–191	Tafakkur, Tadabbur
2	Tuntutan Ilmu	Hadith Ṭabarānī (no. 2907)	Semangat Inkuiri
3	Keberanian Menegakkan Kebenaran	Al-Anbiyā’ 21:51–56 (kisah Nabi Ibrahim)	Ketegasan, Berprinsip
4	Ketekunan dalam Pembelajaran	al-Mujādilah 58:11	Disiplin, Keutamaan Ilmu
5	Hikmah dan Kebijaksanaan	Luqmān 31:12	Rasional, Seimbang

Sumber: Himpunan ayat dan hadith sahih berkaitan pendidikan al-Qur’an.

Melalui jadual ini, dapat dilihat bahawa setiap aspek pembangunan intelektual yang ditekankan dalam Islam adalah seimbang antara tuntutan akal, emosi dan spiritual. Ini membuktikan bahawa al-Qur’an bukan sekadar kitab ibadah, tetapi juga asas kepada pembangunan pemikiran umat.

Kaedah Penulisan Rajah

Rajah berikut menghuraikan hubungan antara elemen-elemen utama dalam pembentukan minda intelektual muda menurut perspektif al-Qur’an seperti yang telah ditunjukkan dalam Jadual 1. Elemen ini bukan entiti yang terpisah, tetapi saling berkait dalam membentuk insan berilmu dan berintegriti. Melalui dapatan analisis kajian ini, pengkaji-pengkaji telah merekabentuk Struktur Minda Intellektual Muda Berteraskan al-Qur’an berdasarkan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Struktur Minda Intellektual Muda Berteraskan al-Qur’an**

Kelima-lima komponen ini saling menyokong antara satu sama lain dan membentuk acuan pemikiran intelektual yang kukuh. Tanpa salah satu daripadanya, keseimbangan intelektual akan terganggu. Oleh itu, pendidikan berteraskan al-Qur'an perlu memberi perhatian terhadap pembinaan semua elemen ini secara bersepadu.

Perbincangan


Dapatan kajian ini menegaskan bahawa al-Qur'an memberi penekanan serius kepada penggunaan akal, pencarian ilmu, dan pembentukan nilai moral. Unsur ini sejajar dengan konsep ulū al-albāb (Āli 'Imrān 3:190–191) yang melahirkan insan yang berfikir mendalam sambil berhubung rapat dengan Allah.

Jika dibandingkan dengan pendekatan sekular, intelektualisme Islam bukan sekadar “critical thinking” tetapi “integrated thinking” – iaitu menggabungkan akal, wahyu, dan nilai spiritual (Al-Attas, 1995; Nasr, 2002). Hal ini berbeza dengan epistemologi moden yang cenderung meletakkan akal sebagai autoriti mutlak, sekali gus mengabaikan panduan wahyu (Mohd Kamal Hassan, 2010).

Implikasinya, pembentukan minda intelektual muda Muslim perlu diberi perhatian dalam reka bentuk kurikulum pendidikan. Misalnya, konsep tafakkur boleh diterjemahkan kepada kaedah pedagogi reflektif, manakala hikmah boleh disepadukan dalam modul kepimpinan mahasiswa. Selain itu, kisah Qur'ani seperti Ashab al-Kahfi dan Nabi Ibrahim boleh digunakan sebagai model pendidikan moral yang relevan dengan cabaran generasi muda hari ini.

Perbincangan ini juga membuktikan bahawa al-Qur'an menawarkan epistemologi alternatif yang mampu menangani krisis identiti, relativisme moral, dan hedonisme. Justeru, al-Qur'an tidak hanya menjadi sumber ibadah, tetapi asas pembangunan intelektual Muslim yang mampu bersaing dalam dunia moden tanpa kehilangan akar spiritual. Melalui dapatan kajian ini, pengkaji-pengkaji telah merekabentuk Epistemologi Intelektual Muda Berasaskan al-Qur'an berdasarkan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 2.

Integrated Intellectualism in Islam



Rajah 2: Epistemologi Intelektual Muda Berasaskan al-Qur'an

Keterbatasan & Cadangan Kajian

Kajian ini terbatas kepada pendekatan kualitatif berbentuk kepustakaan. Data hanya diperoleh daripada tafsir klasik, literatur ilmiah, dan analisis tematik terhadap ayat-ayat terpilih. Tiada data lapangan seperti temu bual dengan pelajar, guru, atau pentadbir pendidikan. Oleh itu, dapatan hanya memberikan gambaran konseptual, bukan empirikal.

Bagi kajian masa depan, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan:

1. **Kajian Lapangan** – Menilai secara empirikal kesan pendekatan al-Qur'an dalam pembentukan pemikiran kritis pelajar sekolah atau IPT.
2. **Perbandingan Antarabangsa** – Membandingkan bagaimana negara lain seperti Indonesia, Turki, atau Mesir menerapkan nilai Qur'ani dalam pembangunan intelektual belia.
3. **Integrasi Psikologi & Pendidikan** – Mengkaji hubungan antara konsep Qur'ani (tafakkur, tadabbur, hikmah) dengan teori psikologi moden seperti Bloom's Taxonomy, Critical Pedagogy atau Cognitive-Emotion Theory.
4. **Pembangunan Modul Kurikulum** – Merangka modul khusus berasaskan al-Qur'an untuk membentuk generasi ulû al-albâb dalam konteks cabaran digital dan media sosial.

Kesimpulan

Makalah ini merumuskan bahawa al-Qur'an memainkan peranan penting dan menyeluruh dalam membentuk minda intelektual generasi muda Muslim. Ayat-ayat al-Qur'an tidak hanya mengandungi seruan kepada keimanan dan ibadah, tetapi turut mendorong penggunaan akal, pencarian ilmu, dan pembinaan nilai-nilai akhlak yang tinggi. Generasi muda yang dibentuk melalui pendekatan al-Qur'an akan memiliki keseimbangan antara kekuatan intelektual, kestabilan emosi dan keteguhan spiritual.

Kajian ini juga menegaskan bahawa al-Qur'an menyediakan asas epistemologi yang unggul dan relevan dalam menghadapi cabaran zaman moden, seperti kecelaruan ideologi, krisis identiti dan keruntuhan nilai. Melalui kisah-kisah, perintah langsung serta pendekatan hujah rasional yang terkandung dalam al-Qur'an, generasi muda mampu membina jati diri yang kuat dan berwibawa.

Oleh yang demikian, pendekatan pendidikan Islam masa kini perlu memberi penekanan yang lebih besar terhadap pemahaman al-Qur'an secara mendalam dan kontekstual, agar minda intelektual muda dapat dibina berteraskan wahyu, bukan semata-mata logik akal. Ini penting untuk melahirkan intelektual Muslim yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga teguh dari segi prinsip, nilai dan pegangan akidah.

Penghargaan

Penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan dorongan sepanjang penulisan artikel ini. Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan inayah-Nya yang memungkinkan penyelidikan ini disempurnakan. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan penyelidik, para pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), serta para pelajar yang menjadi inspirasi dalam memahami kepentingan al-Qur'an dalam pembentukan minda intelektual muda. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ahli keluarga yang sentiasa memberikan doa, sokongan moral, dan motivasi yang tidak ternilai. Segala sumbangan ini amat dihargai dan semoga Allah SWT membalas dengan sebaik-baik ganjaran.

Rujukan

- Abdul Jalil, S., Md Yusoff, Y., & Ismail, R. (2016). Peranan program keagamaan terhadap pemulihan konsep sendiri banduan kaum hawa di Malaysia. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18(2), 193–228.
- Abdul Karim, M. H., & Abdul Manas, S. (2017). Al-Takāful al-Ijtimā'ī secara etimologi dan terminologi menurut konteks bahasa al-Qur'an dan hadis. *HADIS*, 7(13), 12–32.
- Abū Dāwūd, S. ibn al-Ash'ath. (2009). *Sunan Abū Dāwūd* (S. al-Arnā'ūt & M. K. Qurrah, Eds.). Beirut: Dār al-Risālah al-Ālamiyyah.
- al-Attas, S. M. N. (1980). *The concept of Islam and of science*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- al-Barr, M. A. (1984). *'Amal al-mar'ah fī al-mīzān*. Riyadh: Dār al-Sa'ūdiyyah.
- al-Bukhārī, M. ibn Ismā'īl. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (M. Z. b. N. al-Nāṣir, Ed.). Riyadh: Dār Ṭawq al-Najāh.
- al-Dīn, 'A. al-Rabb. (1986). *'Amal al-mar'ah wa mawqif al-Islām minh*. al-Manṣūrah: Maṭābi' al-Wafā'.
- al-Ghazālī, A. H. (2005). *Iḥyā' 'ulūm al-dīn* (Edisi semakan). Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Nasā'ī, A. ibn Shu'ayb. (1986). *Al-Sunan al-sughrā* ('A. al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Ed.). Ḥalab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.
- al-Qurṭubī, M. ibn A. (1967). *Al-Jāmi' li-aḥkām al-Qur'ān*. Cairo: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- al-Ṭabarī, M. ibn Jarīr. (2001). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āy al-Qur'ān* (A. Shākir, Ed.). Beirut: Dār al-Ma'ārif.
- al-Za'balawi, M. al-S. (1984). *Al-Umūmah fī al-Qur'ān al-Karīm wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.

- Ali, F. (1996). Pandangan Islam terhadap kaum hawa bekerja. *Jurnal Usuluddin*, 3, 157–190.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Hashim, R., & Langgulung, H. (2008). Islamic religious curriculum in Muslim countries: The experiences of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research*, 30(1), 1–19.
- Ibrahim, B. (2014). Penghayatan al-Qur'an dalam pembangunan modal insan remaja. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 25–42.
- Ibn Kathīr, I. ibn 'U. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (Vol. 2). Beirut: Dār al-Fikr.
- Jasmi, K. A. (2012). Analisis data dalam penyelidikan kualitatif. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from https://eprints.utm.my/34505/1/JasmiKA2012_AnalisisDatadlmPenyelidikanKualitatif.pdf
- Kamal Hassan, M. (2010). Voice of Islamic moderation from the Malay world. Kuala Lumpur: EMIR Research.
- Mohd Aderi, C. N., Jamaluddin, S., & Mohd Izwan, M. A. (2018). Pendidikan Islam dan pembentukan pemikiran kritis pelajar: Analisis berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an. *Jurnal Pendidikan Islam*, 23(1), 13–25.
- Mohd Fauzi, H. (2013). Membina generasi rabbani: Pendidikan dan penghayatan al-Qur'an sebagai asas pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 27–44.
- Mohd Izani, M., & Azhar, A. (2019). Hedonisme dan krisis nilai dalam kalangan remaja: Satu tinjauan awal. *Jurnal al-Tamaddun*, 14(2), 17–26.
- Mohd Roslan, M. (2016). Ancaman pemikiran liberalisme terhadap Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 43(1), 29–50.
- Mohd Shukri, H., Nooraini, Y., & Norazila, M. R. (2020). Penerapan nilai-nilai Islam dalam menangani krisis moral remaja di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(1), 55–66.
- Nasir, N., Hussin, H., Ahmad, M. N., & Qadafy, M. Z. (2023). Kajian tafsir tematik di Malaysia: Sorotan literatur tahun 2019 sehingga 2023. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 8(2). <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v8i2.396>
- Nasr, S. H. (1993). *A young Muslim's guide to the modern world*. Chicago: Kazi Publications.
- Nasr, S. H. (2002). *The heart of Islam: Enduring values for humanity*. New York: HarperSanFrancisco.
- Osman Bakar. (1992). *Classification of knowledge in Islam: A study in Islamic philosophies of science*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Mohd Nor, W. N. (1995). *Educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wan Mohd Nor, W. N. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization of knowledge*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wood, L. (n.d.). *Modes of discipline: Women, conservatism, and the novel after the French Revolution*. Lewisburg: Bucknell University Press.
- Yusof, M. F. M., & Ismail, M. E. (2019). Konsep Ulūl Albāb dalam pendidikan al-Qur'an: Satu sorotan. *Jurnal Qurra'*, 10(1), 33–45.
- Yusuf, M. (2013). Analisis pemikiran kritis berasaskan al-Qur'an: Satu tinjauan awal. *Jurnal Hadhari*, 5(2), 77–90.